



**BULETIN**

**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.8 Ogos 2022 | ISSN 2232-0415



## FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT SCHEME (FRGS) 2022

**37**  
PROJECTS

Total Amount Received

**RM 3,817,194.00**

**UTHM terima geran penyelidikan FRGS bernilai RM3,817,194**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe

**UTHM TV**




Global Technopreneur  
University 2030



## ISI KANDUNGAN

- 1 UTHM terima geran penyelidikan FRGS bernilai RM3,817,194
- 2 UTHM jayakan projek RICHER, angkat martabat sejarah, kebudayaan dan kesenian Johor
- 3 RAVTE beri kepercayaan kepada UTHM anggota rangkaian TVET Asia
- 4 Program BNC Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM peroleh penarafan empat bintang oleh JPK
- 5 CEDS hasilkan We-SET, bantu lepasan SPM pilih program diploma UTHM dengan tepat
- 6 UTHM jalin kerjasama dengan empat syarikat, perkasa bidang teknologi dron
- 7 Empat pelajar UTHM terpilih ke Misi Sukarelawan Siswa YSS, Sabah
- 8 PST Silat KPT-UTHM bawa pulang 12 pingat di ASEAN University Games 2022
- 10 Terbitan Terkini



## REDAKSI

### PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

### EDITOR

Nor Azezee Ahmad

### PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

### FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak  
Jaafar Muhammad

### GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

### PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

### PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

### PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my



# Congratulations

**UTHM Researchers  
for their achievement in receiving**

**FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT SCHEME (FRGS) 2022**

**37**  
PROJECTS

*Total Amount Received*

**RM 3,817,194.00**

**UTHM terima geran penyelidikan FRGS bernilai RM3,817,194**

**B**ATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menerima geran penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bagi tahun 2022 bernilai RM3,817,194.

Penerimaan geran ini melibatkan 37 projek penyelidikan yang mencakupi enam bidang iaitu sains sosial, sains tulen dan gunaan, sastera dan sastera ikhtisas, teknologi dan kejuruteraan, warisan alam dan budaya serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Penerima dana penyelidikan tertinggi melibatkan penyelidik dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Ts. Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar dengan penyelidikan bertajuk "Ethnozoology and Wildlife Consumption Among Aborigines (Orang Asli) in Peninsular Malaysia" dengan nilai geran sebanyak RM195 ribu.

Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim mengucapkan tahniah kepada semua kumpulan penyelidik yang berjaya menerima geran tersebut.

"Penerimaan geran ini diharap dapat memberi ruang dan peluang kepada ahli akademik dan pakar-pakar dalam bidang masing-masing di universiti ini untuk melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung bagi membantu negara memacu ekonomi inovatif berlandaskan penyelidikan dan pembangunan," katanya.



# UTHM jayakan projek RICHER, angkat martabat sejarah, kebudayaan dan kesenian Johor



**B**ATU PAHAT, 24 Ogos 2022 – Bagi memartabatkan lagi sejarah, kebudayaan dan kesenian Johor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah mengetuai Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor atau Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor (RICHER).

PTTA menjalin kerjasama pintar bersama pasukan penyelidik UTHM setelah berjaya memperoleh empat geran penyelidikan dengan memberi tumpuan kepada empat projek utama sebagai permulaan, iaitu Sejarah Pertempuran di Parit Sulong dan Sejarah Perlombongan Bijih Besi di Sri Medan, Gambus: Sejarah, Instrumentasi dan Gaya Permainan di Johor, Laman Web Peta Johor dan Pendigitalan Zapin.

Hasilnya, Galeri Warisan Johor telah berjaya dibangunkan dan Pameran Gambus@PTTA berjaya dilaksanakan di UTHM bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap budaya bangsa.

Seiring dengan perkembangan IR 4.0, Projek RICHER ini juga bertujuan untuk membangunkan portal bahan digital berpusat merangkumi gambar, video, keratan akhbar dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan kebudayaan dan warisan Johor.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendigitalkan kandungan terpilih bahan pameran menggunakan teknologi animasi seperti Realiti Maya (Virtual Reality - VR), Realiti Terimbuh (Augmented Reality - AR), Mixed Reality (MR) dan Penerokaan Maya (Virtual Tour).

Usaha ini diambil bagi menyokong matlamat utama UTHM iaitu ke arah kecemerlangan penyelidikan

dan inovasi menggunakan tenaga dan kepakaran staf UTHM.

Rentetan itu, satu Majlis Perasmian Projek RICHER telah diadakan pada 24 Ogos 2022 bertempat di PPTA, kampus induk.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Datuk Haji Samsolbari Jamali.

Beliau dalam ucapannya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada UTHM kerana telah memulakan langkah awal bagi memelihara khazanah sejarah, warisan, kebudayaan dan kesenian negeri Johor.

“Saya menyambut baik aspirasi projek ini sebagai salah satu inisiatif untuk menjenamakan penyelidikan dalam warisan budaya Johor di samping memartabatkan budaya dan kesenian negeri Johor khususnya.

“Warisan sejarah, seni dan budaya negeri ini perlu dipertahankan bagi memastikan ianya terus kekal terpelihara serta dapat dihayati oleh generasi akan datang,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga UTHM, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad dalam ucapannya berkata beliau yakin inisiatif awal yang digerakkan oleh universiti ini mampu memberi manfaat kepada negeri Johor.

“Seluruh masyarakat perlu diberikan kefahaman akan peri pentingnya usaha ini demi memupuk semangat kecintaan kepada tanah air sekali gus sebagai usaha mengekalkan keharmonian dan perpaduan negara,” katanya.

Turut diadakan, program bual bicara “Bicara Negarawan Tun Hussein Onn” dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia.

Bicara Negarawan ini adalah siri kedua bagi mengenang dan memperingati 100 tahun tarikh kelahiran tokoh bekas Perdana Menteri iaitu Tun Hussein Onn yang dilahirkan pada tahun 1922.

Program yang dikendalikan oleh Moderator, Dr. Lutfan Jaes, Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM itu melibatkan dua panel jemputan iaitu Prof. Dr. Kassim Thukiman, Ahli Penasihat Jumaah Majlis Diraja Johor dan Prof. Madya Dr. Hamidin Abd Hamid, Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Majlis perasmian tersebut turut dimeriahkan dengan aktiviti pameran melibatkan kerjasama beberapa agensi yang terlibat seperti Jabatan Muzium Malaysia, Pusat Kebudayaan UTHM, Persatuan Sejarah dan orang perseorangan.

Selain itu, para tetamu turut disajikan dengan pameran Showcase@UTHM daripada fakulti dan pusat penyelidikan terpilih.

UTHM berharap kerjasama daripada pelbagai pihak ini berupaya menjadikan PTTA sebagai pusat sehati bagi mempamerkan bidang-bidang tujuh UTHM, iaitu ‘Teknologi Lestari’ dan ‘Pengangkutan’ sekali gus merancakkan lagi inisiatif penjenamaan, promosi dan pengkomersialan universiti.

## RAVTE beri kepercayaan kepada UTHM anggota rangkaian TVET Asia



**B**ANDUNG, INDONESIA - Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Profesor Madya Ts. Dr Abdul Rasid Abdul Razzaq telah dilantik sebagai *Executive Board Member* dalam *Regional Association of Vocational and Technical Education in Asia* (RAVTE).

Lantikan ini membuktikan staf akademik UTHM diberi kepercayaan yang tinggi oleh pihak RAVTE dalam membantu mengukuhkan rangkaian TVET di Asia.

Pelantikan baharu tersebut telah dibuat semasa berlangsungnya Mesyuarat Tahunan RAVTE yang dijalankan di Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung, Indonesia pada 9 dan 10 Ogos 2022.

RAVTE merupakan rangkaian organisasi melibatkan ahli daripada 26 institusi di Asia yang komited mengekalkan rangkaian pendidikan vokasional dan teknikal yang cemerlang dan terkenal di Asia melalui perkongsian visi, kepentingan bersama, kerjasama yang kukuh, kepercayaan dan keterbukaan bagi memanfaatkan pendidikan TVET dan tenaga kerja masyarakat.

Mesyuarat Tahunan RAVTE yang berlangsung di Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung juga turut dihadiri Profesor Emeritus Dr. Jailani selaku *Advisory Board Member* dan Ts. Dr Affero Ismail yang telah dilantik sebagai keynote 7<sup>th</sup> UPI TVET Conference.

Misi RAVTE adalah untuk menekankan kepentingan TVET secara amnya dan VTE khususnya di peringkat serantau dan nasional.

RAVTE berhasrat untuk menyokong pembangunan kakitangan bagi meningkatkan kualiti dan kecekapan TVET serta memupuk aktiviti dan pembangunan integrasi yang berterusan di negara-negara Asia Timur dan Tenggara.

Pelantikan baharu dan kehadiran pihak UTHM memberi keyakinan kepada pihak RAVTE dalam memastikan adanya kepakaran dan pendapat TVET dari Malaysia untuk diketengahkan kepada institusi TVET di rantau Asia.



# Program BNC Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM peroleh penarafan empat bintang oleh JPK



**P**AGOH – Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian (BNC), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya memperoleh penarafan empat bintang daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

Untuk rekod, pada tahun 2021 program BNC ini telah memperoleh penarafan lima bintang dalam QS Stars Rating sebagai kekuatan program akademik khusus di UTHM.

Melalui data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dijana oleh Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni, UTHM pula, sebanyak 95 peratus graduan BNC telah memperoleh pekerjaan terutamanya dalam bidang teknologi kejuruteraan pembinaan.

Pencapaian ini amat membanggakan FTK kerana pelbagai pendedahan ilmu telah dilaksanakan bersama pihak industri antaranya Industry Construction Week @FTK selama seminggu.

Program ini merupakan siri webinar bersama industri yang menjemput pakar-pakar industri daripada pelbagai bidang Kejuruteraan Awam dari dalam dan luar negara antaranya Master Builder Association Malaysia (MBAM), Cinnotech International (Singapore) Pte. Ltd., Tensar International Corporation, Design Cost Consultant, Universitas Bengkulu dan Jabatan Kerja Raya.

Susulan daripada kejayaan itu, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mengunjungi

FTK menerusi program Lawatan Verifikasi Penarafan TVET Program Rintis Tunggal pada 19 Julai 2022 lalu.

Lawatan sehari itu bertujuan untuk memperkukuhkan tadbir urus TVET menerusi pengharmonian sistem penarafan institusi dan memperbaiki kebolehbandingan antara program latihan, yang dilaksanakan merentasi institusi TVET awam dan swasta kepada satu sistem penarafan tunggal.

Selain penerangan berkaitan UTHM dan FTK, delegasi JPK telah dibawa melawat ke tiga makmal pilihan iaitu Bengkel Teknologi Kejuruteraan Geoteknik, Makmal Teknologi Kejuruteraan Geomatik dan Makmal Aplikasi Komputer Kejuruteraan Awam bagi mengesahkan kewujudan segala keperluan dan fasiliti untuk program terbabit.

Hasilnya, setelah menyemak keputusan di laman web JPK (MySPIKE) pada 1 Ogos lalu, program BNC berjaya memperoleh penarafan empat bintang oleh JPK.

Dekan FTK, Prof. Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor melahirkan rasa syukur atas kejayaan penarafan program BNC ini.


“Segala pencapaian yang diperolehi ini diharap dapat menjadi pemangkin dan pendorong kepada para pensyarah dan pelajar untuk terus maju dan kekal relevan di pasaran industri,” katanya.

Beliau turut berharap penarafan program BNC ini akan menjadi satu pemangkin dan penanda

aras bagi pengiktirafan semua program teknologi kejuruteraan di bawah FTK, dalam usaha memperoleh penarafan TVET daripada JPK pada masa akan datang.



# CEDS hasilkan We-SET, bantu lepasan SPM pilih program diploma UTHM dengan tepat



PAGOH, 18 Ogos 2022 – Kumpulan Penyelidik Pusat Pengajian Diploma (CeDS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya membangunkan inovasi alat simulasi pantas iaitu Web Based Self Evaluation Tool (We-SET) bagi membantu pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih program diploma yang tepat dan layak dengan keputusan yang diperolehi.

We-SET telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik *Sustainable Product Development* (S-ProuD) yang diketuai oleh Dekan CeDS, Ts. Dr. Mohd Shahir Yahya dan dibantu oleh Pensyarah Jabatan Teknologi Maklumat, Fawwaz Mohd Nasir dan Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Ts. Mohd Muzaffar Zahar merangkap Ketua Unit Jawatankuasa Promosi CeDS.

Menurut Dr. Mohd Shahir, penyelidikan dan pembangunan We-SET ini bermula apabila ramai pelajar dan ibu bapa pelajar menghubungi pejabat dan staf CeDS bertanyakan kesesuaian keputusan SPM dengan kelayakan untuk memasuki ke program Diploma CeDS, UTHM.

“Bagi membantu menyelesaikan masalah ini, maka tercetuslah idea untuk menghasilkan We-SET,” katanya.

Di awal penghasilan inovasi alat simulasi ini, penyelidik telah menggunakan platform *google*

*sheet* dan telah mendapat maklumbalas untuk penambahbaikan. Sehingga Disember 2021, produk inovasi ini telah ditambahbaik dengan penghasilan alat simulasi berasaskan web melalui laman web rasmi CeDS.

“Kelebihan We-SET ini, ianya dapat mengurangkan masa semakan dan pemilihan tujuh program diploma yang bersesuaian dengan keputusan SPM pelajar sehingga 92 peratus pengurangan masa.

“Dengan We-SET, pelajar boleh mengetahui semua maklumat program diploma tertentu secara terus melalui pautan yang diberikan pada setiap program.

“Perkara ini sangat membantu pelajar membuat keputusan dalam menentukan pemilihan program diploma yang sesuai dengan minat mereka,” jelas beliau.

Bagi CeDS pula, pihak pengurusan boleh mendapat data secara terus berkaitan potensi dan kelayakan pelajar yang berminat mengikuti program diploma UTHM, sekali gus membantu memenuhi kuota penawaran ke program Diploma UTHM selain melalui sistem UPU.


“Diharapkan dengan adanya We-SET ini, ianya dapat membantu dan dimanfaatkan oleh semua pelajar dan ibu bapa seluruh Malaysia untuk

mendapat maklumat kesesuaian program diploma secara cepat dan tepat,” katanya.

We-SET juga diharap dapat dijadikan sebagai medium bagi membantu Jawatankuasa Promosi CeDS mempromosi program diploma ke sekolah-sekolah supaya pelajar yang bakal mengambil SPM akan lebih cakna dengan subjek yang perlu diberi tumpuan bagi memenuhi kelayakan masuk ke program Diploma UTHM.

Untuk maklumat lanjut mengenai We-SET ini, sila layari

<https://ceds.uthm.edu.my/program/syarat-kemasukan/web-based-self-evaluation-tool>



## UTHM jalin kerjasama dengan empat syarikat, perkasakan bidang teknologi dron



**B**ATU PAHAT –Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menjalinkan kerjasama dengan empat syarikat penyedia perkhidmatan dron bertujuan membangunkan penyelidikan berkualiti khususnya dalam bidang teknologi dron.

Jalanan kerjasama tersebut membabitkan Syarikat Aerodyne Technology Sdn Bhd, VStream Revolution Sdn Bhd, Malaysia Unmanned Drones Activists Society (MUDAS) dan Lestari Aero Industries Sdn Bhd.

Rentetan itu, satu majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) telah dilaksanakan pada 9 Ogos 2022 lalu bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, disaksikan oleh Dekan FKMP, Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Bukhari Manshoor.

Prof. Ruzairi dalam ucapannya berkata jalinan kerjasama ini dapat mengukuhkan lagi hubungan antara UTHM dengan industri luar, seterusnya mampu memperkasakan bidang teknologi dron dan mengembangkan lagi daya saing penyelidikan dan inovasi di UTHM.

Tambah beliau inisiatif seumpama ini diharap mampu meningkatkan kepakaran dan kemahiran bakat dalam kalangan staf dan pelajar di universiti ini.

Jalanan kerjasama bersama empat syarikat ini melibatkan kerjasama berkaitan perkongsian pengetahuan dalam bidang penyelidikan dan inovasi, pertukaran staf dan pelajar, program latihan dan pembangunan staf serta pelajar, dan pengkomersilan produk.

Hadir sama ke majlis tersebut, DroneTech, Ecosystem Development Division, MRANTI Corporation Sdn Bhd bagi memberi sokongan sekali gus melihat potensi pembangunan ekosistem dron di UTHM.

Turut diadakan penyerahan simbolik penajaan oleh Syarikat Terbitan Universiti (STU), Avitex Solution (M) Sdn. Bhd. untuk program *International Conference on Mechanical and Manufacturing Engineering (ICME 2022)* dan simbolik pembayaran Fi Perlesenan Harta Intelek kepada Naib Canselor.

Hadir sama ke majlis tersebut, DroneTech, Ecosystem Development Division, MRANTI Corporation Sdn Bhd bagi memberi sokongan sekali gus melihat potensi pembangunan ekosistem dron di UTHM.

## Empat pelajar UTHM terpilih ke Misi Sukarelawan Siswa YSS, Sabah



**B**ATU PAHAT - Empat pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah terpilih untuk menyertai Misi Sukarelawan Siswa YSS ke Tuaran, Kudat dan Beluran, Sabah 2022 yang bermula pada 29 Ogos sehingga 13 September 2022.

Empat pelajar tersebut iaitu Nurul Azreen Izzatie Roslan, Mohamad Amirul Hakim Hairizan, Muhammad Zikry Irfan Ruzaidi merupakan pelajar dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), manakala Nur Ain Abu Bakar dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB).

Menurut Ketua Jabatan Nilai dan Kesukarelawanan Pelajar, Pusat Pembangunan Pelajar (PBP), Ts. Dr. Khalid Isa pemilihan pelajar ini telah dibuat oleh pihak Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS),

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui proses temuduga yang dilakukan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah/Pengarah YSS yang telah dilaksanakan pada 5 Jun 2022 di KPT.

“Calon yang dipilih adalah mereka yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan yang mempunyai semangat sukarelawan yang tinggi serta aktif dalam aktiviti kemasyarakatan,” katanya.

Misi Sukarelawan Siswa ini akan dilaksanakan di enam kampung di Sabah iaitu Kampung Perpaduan (Pulau Banggi) Kudat, Kampung Indarason Laut (Matunggong) Kudat, Kampung Penimbawan Tuaran, Kampung Berungis Tuaran, Kampung Kabuluh (Paitan) Beluran, dan Kampung Tanjung Nipis (Paitan) Beluran.

“Misi sukarelawan ini bermatlamat untuk melahirkan pemimpin sukarelawan siswa di pentas global.

“Misi tersebut dilaksanakan menerusi konsep “immersion” yang mana sukarelawan siswa akan tinggal bersama komuniti tempatan dan melaksanakan kerja sukarelawan mengikut bidang pengajian masing-masing berteraskan *right volunteers for the right job*,” jelas Dr. Khalid.

## PST Silat KPT-UTHM bawa pulang 12 pingat di ASEAN University Games 2022



**T**HAILAND - Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)-Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang mewakili kontinjen Malaysia berjaya membawa pulang 12 pingat iaitu empat pingat emas, lima perak dan tiga gangsa ketika menyertai *ASEAN University Games (AUG) 2022* edisi ke-20 di Ubon Ratchathani, Thailand.

Lebih membanggakan, dua pingat emas yang diperolehi telah disumbangkan oleh atlet dari UTHM iaitu Nor Adilah Mohamad Zamri daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) bagi kategori Silat Tanding Kelas D Puteri dan Putra Syaid Hidayatullah Ramli daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) bagi kategori Silat Tanding Kelas H Putra.

Acara silat yang membuka tirainya pada 2 hingga 5 Ogos lalu menyaksikan prestasi pesilat Malaysia

sangat membanggakan seluruh rakyat Malaysia terutamanya warga institut pengajian tinggi (IPT). Kejayaan yang dikecapi oleh para pesilat membuktikan pesilat kita mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan menempai kejayaan.

Persiapan yang rapi telah dijalankan sebelum menghadapi kejohanan ini dengan mengadakan empat siri kem latihan pusat di Sepang, Cameron Highlands, UTHM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Aspek sains sukan telah diterapkan kepada para pesilat meliputi persediaan fizikal, mental dan pemakanan bagi membantu pesilat mendapatkan maklumat yang penting sebagai seorang atlet silat berprestasi tinggi.

PST Silat KPT-UTHM sentiasa komited menyokong Dasar Pembangunan Sukan IPT (DPSIPT) untuk memperkasakan program pembudayaan dan pembangunan sukan di IPT dalam melahirkan

atlet intelek "*The Thinking Athlete*." Ini termasuklah mempunyai kecergasan fizikal dan minda yang seimbang serta mempunyai daya saing yang dapat memenuhi aspirasi pembangunan sukan IPT dengan menasarkannya sekurang-kurangnya 30 peratus negara terdiri daripada atlet IPT.

**Pencapaian Keseluruhan Pasukan Silat Malaysia Di *Asean University Games (AUG) 2022* Ubon Ratchathani, Thailand**





# IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)



## SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

\*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

## PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

PENGANALISA WEB

WEB SPECIALIST

PEMBANGUN KANDUNGAN  
WEB

PENGURUS PROJEK WEB

PEREKA WEB



## KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.

UNTUK MAKLUMAT  
LANJUT SILA IMBAS  
QR CODE



SCAN ME




Fakulti Sains Komputer &  
Teknologi Maklumat  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia,  
86400, Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601  
FAX: +(607) 453 6023  
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

# Terbitan Terkini




## HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



## THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

# Terbitan Terkini



## REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Sejar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik dalam perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.

